

**Graduan Perlu Berkongsi Ilmu Dengan Masyarakat, Titah Raja Perlis
Bernama
19 September, 2012**

GEORGE TOWN, 19 Sept (Bernama) -- Raja Perlis Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail mahu graduan membuktikan setiap insan berilmu dapat berkongsi pengetahuan yang dimiliki mereka dengan masyarakat.

Ini kerana, titah baginda yang juga Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), masyarakat dan negara amat mengharapkan sumbangan besar daripada graduan dalam membangunkan masa depan negara ke arah lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.

"Pastinya seseorang yang berilmu dapat menggunakan kebijaksanaan dan hikmah dalam memimpin. Dalam hal ini saya berharap agar para graduan USM dapat menjadi benih yang amat berkualiti kepada negara.

"Seperti kata orang kalau benih itu berkualiti dicampak ke laut menjadi mutiara, dilambung ke langit menjadi kejora, ditabur di darat menjadi permata yang berharga," titah baginda pada upacara konvokesyen ke-46 USM di Dewan Tuanku Canselor, di sini Rabu.

Baginda turut berkenan menyampaikan ijazah kepada 404 graduan dalam sesi pagi ini membabitkan antaranya 150 penerima ijazah doktor falsafah.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=695641>